

**PENGLIBATAN IBU BAPA DALAM AKTIVITI PEMBELAJARAN ANAK DI RUMAH  
DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK MURID  
SEKOLAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN (SABK)**

*Relationship between the Academic Performance of Students in Religious Government-affiliated  
Schools and the Extent of Parents' Involvement in Their Children's Self-Study*

Irma Yanti Mahamud, Norlizah Che Hassan, Fathiyah Mohd Fakhrudin

[irmayanti76@yahoo.com](mailto:irmayanti76@yahoo.com)

Universiti Putra Malaysia, UPM

**ABSTRAK**

Ibu bapa berperanan sebagai rakan sekolah dalam meningkatkan keberhasilan serta memastikan pembelajaran berkualiti anak mereka. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak di rumah, mengenalpasti tahap pencapaian akademik murid dan menentukan hubungannya ke atas pencapaian akademik murid di lima buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di empat daerah di Negeri Sembilan. Kajian berbentuk tinjauan yang menggunakan teknik pengumpulan data secara rawak berkelompok ini telah digunakan untuk mengenalpasti 227 orang responden yang terdiri daripada murid tingkatan empat. Instrumen kajian yang digunakan adalah adaptasi dan diubahsuai daripada Kajian Keberkesanan Buku Sarana Ibu Bapa Terhadap Pembelajaran Murid dan Indeks Persepsi Murid Terhadap Program Sahsiah Unggul Murid 2013. Darjah kebolehpercayaan (*Cronbach Alpha*) bagi keseluruhan instrumen adalah .942. Analisis deskriptif digunakan untuk menganalisa frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai. Hasil dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya tahap penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak di rumah menunjukkan tahap yang tinggi ( $M=3.86$ ,  $SP=0.62$ ). Namun demikian, bagi komponen komunikasi anak dengan ibu bapa ( $M=3.52$ ,  $SP=0.80$ ) dan sokongan ibu bapa terhadap kecemerlangan anak ( $M=3.64$ ,  $SP=0.76$ ) menunjukkan tahap yang sederhana. Keputusan analisis korelasi pula menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dengan pencapaian akademik murid ( $r=0.058$ ,  $p=0.386$ ). Kajian ini sekaligus memberi maklumat dan gambaran awal *trend* status penglibatan ibu bapa melalui pelaksanaan Sarana Ibu Bapa di bawah Anjakan Ke Sembilan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

**Kata Kunci:** Penglibatan Ibu Bapa, Pencapaian Akademik, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan, Sarana Ibu Bapa.

*Diserahkan: 16 Julai 2017*

*Diterima: 26 Disember 2017*

### ABSTRACT

*Parents' roles as the school's partner in increasing the output as well as the quality learning for their children. The study purposes is to identify the parents' involvement in their children's learning process at home, identify the students' academic achievement, identify the parents' involvement based on the residential area location, the parents' highest education level, the total income of the parents, types of parents' occupations and this will justify it's relation to students' academic achievement. This study had been conducted in Religious Government-Affiliated Schools in four districts in Negeri Sembilan. The random sampling technique had been used to identify 227 respondents, which involved the form four students. The instrument that had been used was the adaptation from the *Kajian Keberkesanan Buku Sarana Ibu Bapa Terhadap Pembelajaran Murid and Indeks Persepsi Murid Terhadap Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) 2013*. The Cronbach Alpha for the whole instruments that been used is, .942. The descriptive analysis that been used to analyse the frequency, percentage, min, and standard deviation. The findings of the study shown that as a whole, the level of involvement of the parents in learning process at home resulted the high level ( $M=3.86$ ,  $SP=0.62$ ). However, for the communication component between the students and the parents ( $M=3.52$ ,  $SP=0.80$ ) and the parents' supports towards the good achievement of the students ( $M=3.64$ ,  $SP=0.76$ ) shown the medium level of involvement. The correlation analysis shown that there is no significance in the relationship between the involvement of the parents with the academic achievement of the students ( $r = 0.058$ ,  $p = 0.386$ ). This study also provides the information and the earlier picture of the parents' involvement status' trend through the Sarana Ibu Bapa Programme, under the Anjakan Ke Sembilan in Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.*

**Keywords:** *Parents' involvement, academic achievement, Religious Government-Affiliated Schools, Sarana Ibu Bapa.*

## **1.0 PENGENALAN**

Sejak kebelakangan ini, sistem pendidikan negara sering menjadi perhatian dan perbincangan. Justeru itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil inisiatif dengan membangunkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) bermula 2013 hingga 2025 yang melibatkan penyertaan pemimpin sekolah, guru, ibu bapa, orang ramai dan juga murid di seluruh negara (PPPM, 2012). Salah satu daripada transformasi sistem pendidikan negara adalah anjakan strategik yang ke sembilan yang melibatkan kerjasama dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas. Sejalan dengan peningkatan akademik ibu bapa, tanggungjawab mendidik anak dilihat bukan lagi menjadi tanggungjawab guru sepenuhnya, tetapi turut membabitkan ibu bapa dan komuniti setempat termasuklah syarikat swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta organisasi bukan kerajaan (NGO).

Semua ibu bapa boleh membantu anak mereka untuk mencapai potensi sepenuhnya dengan melibatkan diri dengan pembelajaran anak di rumah (Inisiatif Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta: Suatu Inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia; 2013-2025). Aktiviti pembelajaran bukan sahaja boleh berlaku di kawasan sekolah tetapi juga boleh berlaku di mana sahaja termasuklah di rumah dan juga di dalam komuniti. Latar belakang sosioekonomi murid tidak lagi menjadi penghalang kepada kejayaan seseorang murid tetapi bergantung kepada keupayaan keluarga murid itu untuk menyediakan suasana menggalakkan pembelajaran di rumah serta dorongan motivasi terhadap kejayaannya pada masa akan datang. Pada masa yang sama juga enam aspirasi murid menjadi tunjang kepada pembentukan jati diri supaya murid mampu bersaing di pasaran global berbekalkan pegangan agama yang kuat dan mengamalkannya sebagai prinsip asas hidup mereka.

## **2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Kajian peringkat antarabangsa iaitu Program Pentaksiran Murid Antarabangsa (PISA) oleh Borgonove, Montt, & Development (2012), menunjukkan bagaimana cara ibu bapa menggunakan masa bersama anak di rumah boleh mempengaruhi kejayaannya. Hasil daripada sampel jadual waktu murid (KPM, 2011) jelas menunjukkan 52 peratus masa murid dihabiskan di rumah dan di dalam komuniti berbanding hanya 15 peratus lagi masanya berada di sekolah. Data ini merujuk kepada kegunaan masa murid berumur tujuh hingga 16 tahun berdasarkan 42 minggu di sekolah dengan purata 5.5 jam di sekolah setiap hari, dua jam masa kokurikulum wajib seminggu dan masa tidur lapan jam sehari (PPPM, 2013-2025). Hal ini jelas menunjukkan bagaimana ibu bapa

menggunakan masa bersama anak-anak akan memberikan kesan yang besar ke atas pencapaian dan perkembangan anak mereka.

Kebanyakan kajian menunjukkan bahawa faktor kekangan masa telah menyebabkan ibu bapa semakin kurang peka akan peranan mereka dan lebih kepada membiarkan anak mereka belajar di rumah tanpa bimbingan dan pemantauan (Lareau, 2000; Abd. Razak & Noraini, 2011). Pernyataan ini turut disokong oleh Alma Harris & Janet Goodall (2008) dalam kajian mereka yang mendapati kesibukan kerja menjadi halangan untuk ibu bapa melibatkan diri dalam pembelajaran anak terutamanya bagi ibu atau bapa tunggal. Kebanyakan kajian yang telah dijalankan juga lebih menjurus kepada penglibatan ibu bapa di peringkat awal kanak-kanak iaitu di peringkat sekolah rendah. Kajian juga mendapati ibu bapa kurang melibatkan diri di peringkat sekolah menengah kerana kebanyakannya beralasan kurikulum dan silibus semakin mencabar, anak-anak di sekolah menengah mampu berdikari dan ibu bapa ingin memberikan penumpuan yang lebih kepada anak-anak yang masih kecil dan sedang membesar (Abd. Razak & Norani, 2011).

Selain daripada itu, kurangnya penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak ini juga disebabkan oleh kurangnya pengetahuan dan kemahiran keibubapaan dalam kalangan ibu bapa. Di samping itu juga, cabaran dalam mendidik dan membesarkan anak pada masa kini dilihat sangat mencabar dengan pelbagai anasir negatif yang menular dan mencengkam pemikiran generasi muda kini. Justeru itu, secara asasnya ibu bapalah yang banyak membentuk keperibadian anak dan menyokong perkembangan bahasa, sosial, dan akademik anak mereka. Dalam erti kata lain ibu bapa juga boleh dianggap sebagai alat paling berkuasa bagi perubahan atau penambahbaikan nilai dalam sesebuah keluarga.

### **3.0 PENYATAAN MASALAH**

Kajian terdahulu menunjukkan salah satu daripada masalah pencapaian akademik murid dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya ialah faktor ibu bapa (Chong, Juliana, Rosmidah, Samsudin, Nurhana, Subhi dan Nor Ba' Yah, 2012). Golongan belia atau remaja kurang berminat terhadap akademik sekiranya mereka mempunyai tahap motivasi yang rendah serta tidak mempunyai sokongan yang baik daripada kedua ibu bapa. Setiap ibu bapa mengharapkan anak mereka cemerlang dalam pelbagai aspek khususnya sahsiah dan akademik. Namun, matlamat ini akan menjadi sukar jika ibu bapa tidak menyedari pentingnya mereka melibatkan diri dalam pembelajaran anak khususnya di rumah kerana mereka juga merupakan sumber untuk memberi

pendidikan kepada anak. Ibu bapa tetap merupakan guru pertama bagi anak-anak kerana hanya mereka yang lebih mengenali segalanya tentang anak mereka yang tidak ada pada orang lain.

Hasil penyelidikan oleh Azyyati, Fariza dan Salasiah (2013) mendapati bahawa ciri-ciri berisiko yang paling dominan dalam kalangan remaja berisiko ialah mereka yang mempunyai keluarga yang tidak berfungsi, mempunyai latar belakang status sosioekonomi yang rendah (SES) dan tidak mempunyai sokongan daripada individu dan persekitaran yang bertindak sebagai faktor pelindung seperti ibu atau bapa, ahli keluarga, ahli masyarakat, sekolah dan agama yang merupakan asas utama dalam menentukan pola akal dan perlakuan remaja bagi menghindari kemudaratan. Tambahan lagi, adalah menjadi suatu kebimbangan hasil daripada kajian oleh Maznah dan Zakiah (2009) yang mendapati pendidikan kerohanian kini didapati semakin meruncing dan seakan tidak nampak pada anak-anak zaman sekarang. Lebih membimbangkan apabila Mohd Ismail, Selamat, Azmi Shah, Abd Basit, Abdul Rahman dan Abdul Hafiz (2004) mendapati 66 peratus daripada 680 orang murid berumur 14 hingga 17 tahun di salah sebuah sekolah agama di Johor mempunyai masalah moral dan agama yang tinggi.

Mereka juga menghadapi masalah untuk mempraktikkan amalan agama ketika berada di luar sekolah. Ketinggian ilmu sahaja tidak memadai bagi seseorang jika agama dan akhlaknya rendah. Maka dengan itu, penyelidik sangat berminat untuk menyelidiki fenomena sebenar yang berlaku dan cuba mendapatkan pandangan anak mengenai sejauh mana ibu bapa mereka melibatkan diri dalam menyokong dan membantu aktiviti pembelajaran mereka termasuklah sokongan dan pengisian akhlak serta kerohanian. Hal ini amat penting untuk diketahui demi memastikan berlakunya proses sosiolisasi agama iaitu penyerapan dan penghayatan nilai-nilai agama (Jaffary, Rozmi, Kamaruddin & Hairunnizam, 2008) yang dipelajari di sekolah berkesinambungan ke rumah dan sebaliknya.

Hasil kajian Fullen (2011) bersama rakan dalam projek penyelidikan beliau di Ontario selama tujuh tahun di dalam bukunya bertajuk '*Makna Baharu Perubahan Pendidikan*' mendapati kebanyakan kajian yang dijalankan kurang berfokuskan dari sudut persepsi murid sedangkan murid pula beranggapan adalah sesuatu yang hebat apabila orang dewasa mahu mengetahui pendapat mereka. Kebanyakan kajian berbentuk perkongsian pendidikan terdahulu juga kurang memberi perhatian terhadap isu penglibatan ibu bapa dalam konteks Malaysia (Suresh Kumar, 2013) dan lebih berfokuskan murid di sekolah rendah atau sekolah menengah bantuan kerajaan. Tambahan lagi, hasil daripada penelitian penyelidik juga turut mendapati kebanyakan kajian terdahulu hanya berfokuskan murid di sekolah rendah atau Sekolah Menengah Bantuan Kerajaan tetapi tidak kepada

murid yang bersekolah di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Penyelidik terdahulu juga amat jarang menjadikan SABK sebagai sampel kajian mereka.

Maka dengan itu, kajian ini merupakan satu keperluan untuk semua pihak mendengar harapan dan pandangan terutamanya dalam kalangan murid-murid itu sendiri kerana mereka juga mempunyai potensi yang baik untuk melangkah lebih jauh dengan sokongan dan bantuan daripada semua pihak. Berdasarkan pengalaman penyelidik, para pegawai dan pendidik di SABK mendapati kebanyakan daripada mereka datang daripada perlbagai latar belakang sosioekonomi malah ada antara mereka sangat memerlukan perhatian semua pihak. Justeru itu, kajian ini dijangka dapat menyelidiki permasalahan sebenar yang wujud dalam persekitaran keluarga murid dan memberi gambaran sebenar fenomena semasa berkenaan aktiviti pembelajaran murid di rumah bersama keluarga mereka.

Selain daripada itu, Program Sarana Ibu Bapa di bawah PPPM 2013-2025 (KPM, 2013) baru dilaksanakan pada tahun 2013. Namun demikian, belum ada laporan rasmi yang dibuat berkenaan status penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak di rumah. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga masih lagi dalam usaha mendapatkan maklumat tentang Keberkesanan Program Sarana Ibu Bapa Terhadap Pembelajaran Murid di beberapa buah negeri. Dalam kajian ini, terdapat empat komponen utama yang diberi perhatian khusus dalam penglibatan ibu bapa di rumah iaitu Penyediaan Suasana Pembelajaran Di Rumah (PSPDR), Interaksi Sosial Anak Dengan Ibu Bapa (ISADIB), Komunikasi Anak Dengan Ibu Bapa (KADIB) dan Sokongan Ibu Bapa Terhadap Kecemerlangan Anak (SIBTKA). Namun demikian, bagi memantapkan kajian daripada keseluruhan aspek pembelajaran dan pendidikan anak di rumah, maka perlunya penambahan komponen kelima iaitu Pengisian Akhlak Dan Kerohanian (PADK) dalam penglibatan ini. Komponen kelima ini adalah penting dalam proses pembelajaran yang berperanan sebagai gagasan utama dan pemangkin kepada kecemerlangan individu.

Justeru itu, untuk mencapai kecemerlangan dalam semua bidang terutamanya akademik, setiap murid perlu diterapkan dengan nilai-nilai kerohanian dan akhlak yang mulia bagi memudahkan mereka dalam proses penerimaan ilmu. Komponen kelima ini dirasakan sangat penting untuk dilaksanakan oleh ibu bapa di rumah demi memastikan Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) yang dilaksanakan di semua Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan SABK seluruh Malaysia berkesinambungan di rumah. Maka, kajian ini dilihat dapat membantu pihak Sektor Pendidikan Islam (SPI) Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan (JPNS) dalam memberi

maklum balas tentang keberkesanan Sarana Ibu Bapa dan kesinambungan amalan murid dalam program SUMUR ini dengan penghayatan nilai dalam persekitaran keluarga di rumah.

Selain daripada itu, penyelidik juga mendapati kebanyakan kajian terdahulu jarang menggabungkan kelima-lima komponen penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak di rumah. Tambahan lagi, banyak kajian lalu membuktikan kurangnya penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak di rumah khususnya di peringkat sekolah menengah dalam skop persekitaran budaya dan masyarakat Malaysia (Suresh Kumar, 2013). Maka, kajian ini dilihat sebagai platform terbaik bagi penyelidik untuk menyelidiki fenomena yang berlaku berdasarkan lima komponen tersebut disamping mengenalpasti kelompongan penglibatan ibu bapa pada elemen-elemen tertentu.

Sungguhpun isu penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran dan pendidikan anak ini telah lama dibahaskan namun penyelesaiannya tidak mempunyai titik noktahnya kerana zaman sentiasa berubah dan pendekatan amalannya juga boleh berbeza. Namun asas kepada penglibatan ibu bapa dalam memastikan kejayaan dan kecemerlangan anak masih tetap sama. Pemilihan lima komponen penglibatan ibu bapa dalam kajian ini adalah merujuk kepada beberapa amalan terbaik yang boleh dipraktikkan oleh ibu bapa bagi memastikan matlamat tersebut tercapai

#### **4.0 OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini menggariskan tiga objektif kajian iaitu :

- i. Menenalpasti tahap penglibatan ibu bapa (PSPADR, ISADIB, KADIB, SIBTKA dan PADK) dalam aktiviti pembelajaran anak di rumah.
- ii. Menenalpasti tahap pencapaian akademik murid.
- iii. Menentukan hubungan antara penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak di rumah dengan pencapaian akademik murid.

#### **5.0 SOROTAN LITERATUR**

Kerjasama yang terjalin di antara pihak sekolah dan ibu bapa mampu memberikan impak kepada murid bukan sahaja di sekolah malah dalam kehidupan. Murid merasakan masih ada insan yang sentiasa mengambil berat mengenai pembelajaran dan kehidupan mereka. Penglibatan ini merujuk kepada sokongan dan bagaimana ibu bapa menguruskan pengalaman pembelajaran anak mereka. Ibu bapa boleh mewujudkan rangsangan persekitaran secara kognitif dengan menyediakan buku, bahan, aktiviti serta suasana pembelajaran di rumah. Manakala dalam komuniti pula, ibu bapa perlu melibatkan diri dan anak mereka dengan pelbagai aktiviti atau program luar yang melibatkan

keluarga dan masyarakat demi memberikan pengalaman dan pendidikan sosial kepada anak mereka. Manakala di sekolah pula, ibu bapa perlu sentiasa berhubung dengan pihak pentadbir atau guru dalam memastikan proses pembelajaran berjalan lancar dan mencapai kecemerlangan dalam pelbagai aspek (Epstein et al. 2009).

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak seperti umur anak, peringkat pendidikan anak, sikap dan pandangan ibu bapa terhadap kepentingan mereka dalam melibatkan diri dalam pembelajaran anak. Hasil temubual menerusi panggilan telefon secara rawak ke atas 2021 ibu bapa dan penjaga kepada beberapa etnik di United Kingdom mendapati faktor kekangan masa akibat tuntutan kerja merupakan halangan utama di samping kesukaran penjagaan anak (Nick Moon & Claire Ivins, 2005). Manakala hasil penyelidikan ke atas beberapa orang ibu bapa di Scotland pula menjelaskan anak-anak di peringkat menengah lebih suka sekiranya mereka kurang melibatkan diri di sekolah (Kay Russel & Sue Granville, 2005). Mereka berpendapat, terdapat pihak sekolah yang kurang memberi peluang kepada mereka untuk melibatkan diri di sekolah sedangkan mereka berminat untuk membantu sekolah sebagai jurulatih dan juga sebagai pembantu kelas. Masalah komunikasi antara pihak sekolah dan ibu bapa juga merupakan satu lagi kekangan utama yang menghalang kepada penglibatan ibu bapa ini. Faktor sikap ibu bapa juga didapati memainkan peranan penting di mana mereka lebih cenderung memilih penglibatan yang kurang melibatkan banyak masa dan tenaga.

Selain daripada itu, kajian temu bual yang telah dilakukan oleh Guolaug Erlendsdottir (2010) di Namibia ke atas tujuh orang ibu bapa yang mempunyai anak cemerlang jelas membuktikan bahawa penglibatan sepenuhnya mereka dalam pembelajaran anak dapat membantu kecemerlangan anak. Semua ibu bapa ini menyatakan mereka terlibat sepenuhnya dalam pembelajaran anak dan memberikan sokongan dan ekspektasi yang tinggi terhadap kejayaan akademik dan kehidupan anak mereka. Malah, kenyataan ini turut disokong menerusi hasil kajian penglibatan ibu bapa oleh Abd. Razak & Noraini (2011) daripada sudut konteks keluarga yang kondusif dan harmoni. Hasil kajian ini jelas menunjukkan faktor konteks keluarga merangkumi interaksi dan komunikasi, amalan keibubapaan, kesenggangan, keterbukaan dan penerimaan mampu merangsang anak untuk berjaya dalam pelajaran. Malah, Chin (2005) juga sependapat dengan hasil penemuan kajian tersebut dan turut menambah bahawa penglibatan tersebut mampu membentuk sikap dan peribadi anak serta memberi motivasi dan perangsang kepada mereka untuk lebih berjaya dalam pelajaran dan kehidupan.



Penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak juga didapati bukan sekadar memperbaiki akhlak, moral dan pencapaian akademik anak sahaja, malah lebih kepada menggalakkan kepada perubahan tingkah laku yang lebih baik dan penyesuaian sosial anak mereka. Malah, sebanyak 97 peratus daripada 2021 responden pelbagai etnik di United Kingdom turut mengakui kenyataan tersebut (Nick Moon & Claire Ivins, 2005). Epstein (1995) menegaskan dengan adanya sokongan dan penglibatan ibu bapa di rumah, turut memberi impak terhadap sekolah di mana guru-guru dapat menyediakan kerja rumah dengan lebih baik, lebih menghormati dan berpuas hati dengan penglibatan keluarga murid di samping dapat mengenalpasti latar belakang keluarga murid yang memerlukan bantuan dan sokongan daripada pelbagai pihak khususnya sekolah.

Rumah yang mempunyai ruang pembelajaran yang selesa dan sesuai merupakan satu keperluan kepada anak-anak untuk memastikan proses pembelajaran di rumah lebih berkesan. Sebanyak 96.5 peratus responden yang terdiri daripada 1000 orang murid tingkatan empat di Selangor berharap agar ibu bapa mereka dapat menyediakan kemudahan ini termasuk buku rujukan dan kemudahan tuisyen (Abd. Razak, 2011). Komunikasi dan interaksi sosial yang baik antara anak dan ibu bapa juga mampu mewujudkan hubungan kekeluargaan yang erat dan harmoni dalam keluarga. Timbulnya konflik komunikasi dan interaksi antara ahli keluarga yang berbeza usia dalam sesebuah keluarga sememangnya tidak dapat dielakkan. Perbezaan ini sudah tentu melibatkan perbezaan pendapat, pandangan, pendirian dan perhatian (Ali Hasan Az-Zhecolany, 2013). Ini jelas menunjukkan bahawa emosi dan ego menjadi halangan utama dalam komunikasi berkesan yang berlaku antara ahli keluarga yang mempunyai tahap kematangan dalam berfikir yang berbeza.

Salah satu sebab berlakunya hubungan komunikasi dan interaksi yang tidak baik dalam keluarga adalah kekangan masa bersama keluarga di mana ibu bapa sibuk mencari rezeki dan jarang meluangkan masa bersama anak. Kajian oleh Zainudin & Norazmah (2011) ke atas remaja bermasalah sosial di salah sebuah pusat pemulihan akhlak di Melaka jelas membuktikan salah satu sebab utama mereka terlibat dalam masalah sosial adalah disebabkan wujudnya masalah interaksi dan komunikasi dalam keluarga. Hui & Mason (2005) berpendapat kesedaran ibu bapa untuk melibatkan diri dalam pembelajaran anak berkembang dalam tiga keadaan iaitu pertama, ibu bapa perlu mewujudkan hubungan, kedua, ibu bapa perlu mempengaruhi pembelajaran anak dan ketiga, menerapkan kepada anak bahawa pendidikan merupakan kunci kejayaan. Ibu bapa juga haruslah mempunyai motivasi diri yang kuat terlebih dahulu bagi memberi dorongan, sokongan motivasi dan juga keperluan material kepada anak-anak (Azizi, 2008).


Selain daripada itu, Azizi juga berpendapat setiap ahli keluarga perlu diterapkan dengan pengisian akhlak dan agama untuk menjadi benteng kepada segala masalah sosial. Kewujudan

aktiviti kerohanian dalam persekitaran keluarga dapat memberi pengaruh yang besar terhadap pengalaman rohani dan dapat mempengaruhi seseorang anak melalui proses pembelajaran melalui peniruan perilaku ibu bapa. Salasiah, Ermy, Rosmawati & Zainab (2012) juga turut menambah bahawa tahap amalan kerohanian seseorang murid dan pelaksanaan sesuatu ilmu secara zahir dan batin juga mempunyai perkaitan yang signifikan dengan pencapaian akademik.

Oleh itu, dalam usaha memastikan anak cemerlang dalam akademik dan mempunyai didikan agama serta akhlak terpuji, semua pihak haruslah menggembungkan tenaga dan peranan. Pihak ibu bapa tidak lagi boleh menyerahkan tugas mendidik kepada pihak sekolah semata-mata kerana aktiviti pembelajaran boleh berlaku di mana sahaja. Kajian ini dilihat sebagai platform terbaik bagi penyelidik untuk menyelidiki fenomena yang berlaku berdasarkan lima komponen penglibatan ibu bapa yang dinyatakan disamping mengenalpasti kelompongan penglibatan ibu bapa pada elemen-elemen tertentu.


## **5.1 Teori Kajian**

Dalam kajian ini penyelidik telah menggunakan beberapa teori sebagai asas kajian. Penyelidik menggunakan Teori Penglibatan Ibu Bapa Epstein (1995, 2001) sebagai landasan utama kajian. Pemilihan teori ini adalah kerana kekuatannya yang banyak digunapakai oleh sekolah-sekolah di seluruh dunia. Cadangan strategi dan amalannya boleh dipraktikkan dengan berkesan oleh semua pihak termasuklah aktiviti di rumah. Teori ini juga membuktikan bahawa penglibatan ibu bapa boleh wujud dalam pelbagai bentuk dan meletakkan tanggungjawab bersama mendidik anak ataupun murid dengan pihak sekolah dan masyarakat. Epstein menggariskan enam jenis penglibatan ibu bapa yang saling berkait antara keluarga, sekolah dan komuniti iaitu Keibubapaan, Komunikasi, Khidmat Sukarela, Pembelajaran di rumah, Membuat keputusan, Kolaborasi dengan Komuniti dan Keibubapaan.



Rajah 1 : Kerangka Teoritik Kajian

Epstein (2001) berpendapat, sekolah, keluarga dan komuniti berkongsi tanggungjawab yang sama dalam proses sosialisasi murid. Beliau mencadangkan model *Overlapping Sphere of Influence* yang menekankan tanggungjawab bersama antara sekolah, keluarga dan komuniti dalam mencapai visi dan matlamat yang sama dalam proses perkembangan dan pembesaran murid.



Rajah 2 : Model *Overlapping Sphere of Influence* oleh Epstein.

Salah satu aspek penting dalam Model *Overlapping Sphere of Influence* adalah konsep *school-like family* dan *family-like school* yang digunakan untuk menerangkan pentingnya peranan ibu bapa dan sekolah. Konsep *school-like family* menggalakkan ibu bapa memberi sokongan dan membentuk skil akademik kepada anak seperti menekankan kepentingan pelajaran, persekolahan, kerja rumah dan aktiviti-aktiviti lain pembelajaran serta menjadikan semua aktiviti tersebut sebagai aktiviti keluarga. Manakala konsep *family-like school* pula bermaksud pihak sekolah mengambil sikap dan peranan sebagai sebuah keluarga yang penyayang dengan menyediakan suasana persekitaran yang membuatkan anak-anak rasa diterima, disayangi dan diperlukan dalam sesebuah keluarga.

Teori kedua yang digunakan adalah Teori Pembelajaran Sosial Bandura (1963). Teori ini dipilih kerana bersesuaian dengan salah satu kaedah pembelajaran yang sering digunakan melalui pemodelan dan pemerhatian daripada orang lain khususnya ibu bapa. Bandura menyatakan orang yang diperhatikan oleh individu tersebut diistilahkan sebagai model dan proses pembelajaran melalui pemerhatian tingkah laku dipanggil pemodelan (Mok, S. S., 2011). Beliau turut menekankan aspek interaksi antara manusia dan persekitaran. Secara amnya, beliau melihat manusia sebagai aktif dan berupaya mengendalikan tingkah laku secara selektif dan tidak merupakan entiti yang pasif yang boleh dipermainkan oleh keadaan persekitaran mereka.

Penyelidik juga turut menggabungkan Falsafah Pemikiran Imam Al-Ghazali (2009) dalam didikan anak sebagai landasan kajian. Al-Ghazali berpendapat keluarga dan sekolah merupakan dua institusi terpenting dalam memupuk keperibadian kanak-kanak dan remaja. Dalam institusi keluarga, mereka dididik dalam tiga aspek iaitu sebagai individu, sebagai ahli masyarakat dan sebagai seorang yang beragama (Al-Syeikh Muhammad Jamaluddin, 2009). Memandangkan sampel bagi kajian ini adalah terdiri daripada murid SABK, maka kajian ini haruslah berdasarkan skop dan persekitaran berasaskan agama dan kerohanian.

Justeru itu, gabungan teori dan falsafah yang digunakan dalam kajian ini dapat diperkembang dan disesuaikan dengan amalan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak di rumah khususnya bagi murid SABK dan murid beragama Islam amnya. Secara tidak langsung, dapatan kajian ini dapat menyumbang kepada data tambahan kepada model dan teori penglibatan ibu bapa yang sedia ada bagi anak remaja berusia 16 tahun terutamanya dalam membekalkan pangkalan pengetahuan untuk menangani perubahan sistem pembelajaran dan budaya sosial murid masa kini.

## **6.0 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian deskriptif berbentuk tinjauan dan korelasi. Kaedah ini sangat sesuai digunakan untuk mengenalpasti pemikiran, perasaan, perbuatan, pandangan, kepercayaan, tingkah laku dan sikap segolongan manusia tentang isu-isu sosial, kebudayaan, ekonomi dan politik. Melalui item soal selidik, kaedah ini juga dapat menerangkan hubungan dan perbezaan antara pembolehubah yang diselidiki (Lay & Khoo, 2013).

Teknik persampelan rawak berkelompok telah dipilih kerana populasi kajian mewakili empat daerah iaitu Rembau, Seremban, Port Dickson dan Jempol. Empat daerah ini juga mewakili

kategori bandar dan luar bandar. Setiap kelompok yang dipilih adalah saling eksklusif dan semua kelompok mempunyai ciri populasi yang sama. Populasi kajian terdiri daripada 447 orang murid tingkatan empat SABK berdasarkan rekod yang diperolehi daripada Unit Pengurusan dan Akademik, Institusi Pendidikan Agama, Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan. Seramai 227 orang murid daripada lima buah sekolah yang mewakili 50.8 peratus daripada jumlah keseluruhan murid tingkatan empat telah dipilih sebagai responden berdasarkan kiraan saiz sampel menggunakan Jadual Krejcie dan Morgan (1970) dan Cochran (1977).

Pembinaan soal selidik adalah berdasarkan instrumen Kajian Keberkesanan Buku Sarana Ibu Bapa Terhadap Pembelajaran Murid (KPM, 2015). Setelah berbincang dengan pihak KPM, penyelidik telah diberi kebenaran untuk mengadaptasi dan membuat sedikit pengubahsuaian iaitu dengan membuat penambahan kepada empat komponen utama iaitu PADK. Penambahan komponen kelima ini adalah hasil perbincangan bersama penyelidik bersama pihak SPI, JPNS dan kebenaran telah diberikan kepada penyelidik untuk mengguna dan mengubahsuaikan Indeks Persepsi Murid Terhadap Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) 2013. Penambahan komponen kelima ini adalah sangat wajar kerana pihak SPI, JPNS ingin mendapatkan maklumat sejauh mana ibu bapa melibatkan diri dalam pembelajaran anak mereka di rumah dalam konteks pengisian akhlak dan kerohanian bagi keluarga muslim. Tambahan komponen kelima ini juga adalah berpandukan kepada Falsafah Pemikiran Imam Al-Ghazali (2009) yang banyak menekankan pembentukan akhlak anak dan bersesuaian dengan sampel kajian yang terdiri daripada murid sekolah agama. Soal selidik yang digunakan ini juga telah direkabentuk mengikut kaedah korelasi untuk melihat perhubungan di antara pembolehubah-pembolehubah yang digunakan. Soal selidik ini mengandungi dua bahagian utama iaitu :-

- i. Bahagian A - Latar Belakang Ibu Bapa/Penjaga dan Keputusan PT3 2014.
- ii. Bahagian B - Penglibatan Ibu Bapa/Penjaga Dalam Aktiviti Pembelajaran Di Rumah.

Seramai 32 orang murid tingkatan empat telah dipilih bagi mewakili sampel kajian rintis. Hasil analisis daripada ujian kebolehpercayaan menunjukkan nilai *Cronbach Alpha* yang tinggi iaitu 0.942. Ini bererti kebolehpercayaan item pada keseluruhan mempunyai darjah ketekalan dan konsistensi yang kukuh dan boleh diterima serta digunapakai untuk kajian di lapangan. Manakala dua orang pakar iaitu pensyarah kanan daripada Fakulti Pengajian Pendidikan (FPP) dan Fakulti Ekologi Manusia (FEM), UPM telah dilantik untuk memeriksa dan menentukan kesahan konstruk dan kandungan instrumen kajian.

## 7.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Kajian ini melibatkan 227 orang murid tingkatan empat dari lima buah SABK di empat daerah di Negeri Sembilan. Seramai 106 orang (46.7%) murid tinggal di kawasan bandar manakala 121 orang (53.3 %) tinggal di kawasan luar bandar. Taburan lokasi kediaman ini adalah berdasarkan empat daerah kajian iaitu Seremban, Port Dickson, Jempol dan Rembau. Jadual berikut menunjukkan taburan responden mengikut Taraf Pendidikan Tertinggi Bapa/Penjaga dan Ibu, Jumlah Pendapatan Ibu Bapa, Jenis Pekerjaan Ibu dan Bapa serta Tahap Pencapaian Akademik (PT3 2014) Murid.

Jadual 1: Taburan Responden Mengikut Taraf Pendidikan Tertinggi Bapa/Penjaga

<b>Taraf Pendidikan Tertinggi Bapa/Penjaga</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
Sekolah Rendah	11	4.8
LCE/SRP/PMR	20	8.8
MCE/SPM	86	37.9
STPM	13	5.7
Diploma	45	19.8
Ijazah Sarjana Muda	28	12.3
Ijazah Sarjana	17	7.5
Ijazah Kedoktoran	7	3.1
<b>Jumlah (N)</b>	<b>227</b>	<b>100.0</b>

Jadual 1 menunjukkan majoriti Taraf Pendidikan Tertinggi Bapa/Penjaga adalah MCE/SPM sebanyak 37.9 peratus diikuti dengan Diploma sebanyak 19.8 peratus dan Ijazah Kedoktoran menunjukkan bilangan yang paling rendah sebanyak 3.1 peratus. Ini menunjukkan kebanyakan bapa/penjaga menerima pendidikan tertinggi mereka di peringkat yang sederhana.

Jadual 2: Taburan Responden Mengikut Taraf Pendidikan Tertinggi Ibu

<b>Taraf Pendidikan Tertinggi Ibu</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
Sekolah Rendah	7	3.1
LCE/SRP/PMR	30	13.2
MCE/SPM	90	39.6
STPM	15	6.6
Diploma	38	16.7
Ijazah Sarjana Muda	25	11.0
Ijazah Sarjana	18	7.9
Ijazah Kedoktoran	4	1.8
<b>Jumlah (N)</b>	<b>227</b>	<b>100.0</b>

Jadual 2 menunjukkan majoriti kaum ibu menerima pendidikan tertinggi mereka pada peringkat MCE/SPM sebanyak 39.6 peratus diikuti peringkat Diploma sebanyak 16.7 peratus. Manakala peringkat Ijazah Kedoktoran menunjukkan bilangan yang paling rendah sebanyak 1.8 peratus. Ini menunjukkan kaum ibu juga menerima pendidikan tertinggi mereka pada tahap yang sederhana.

Jadual 3: Taburan Responden Mengikut Pendapatan Ibu Bapa

<b>Jumlah Pendapatan Ibu Bapa</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
Kurang RM1000	36	15.9
RM1000 - RM3000	92	40.5
RM3001 - RM5000	49	21.6
Lebih RM5000	50	22.0
<b>Jumlah (N)</b>	<b>227</b>	<b>100.0</b>

Jadual 3 menggambarkan kebanyakan daripada responden datangnya daripada keluarga yang mempunyai jumlah pendapatan ibu bapa sekitar RM1000-RM3000. Data ini jelas menunjukkan jumlah pendapatan ini dipengaruhi oleh Taraf Pendidikan Tertinggi ibu bapa responden yang kebanyakannya menerima tahap pendidikan yang sederhana.

Jadual 4: Taburan Responden Mengikut Jenis Pekerjaan Bapa/Penjaga

<b>Jenis Pekerjaan Bapa/Penjaga</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
Kakitangan Kerajaan	84	37.0
Kakitangan Swasta	56	24.7
Bekerja Sendiri	54	23.8
Pesara	24	10.6
Tidak Bekerja	9	4.0
<b>Jumlah (N)</b>	<b>227</b>	<b>100.0</b>

Jadual 4 menunjukkan majoriti (37.0%) bapa/penjaga responden bekerja sebagai Kakitangan Kerajaan dan Kakitangan Swasta (24.7%). Manakala 4.0 peratus bapa responden tidak bekerja. Keadaan ini menunjukkan ada dalam kalangan responden yang tidak mempunyai bapa dan ibu pula mengambil alih sebagai ketua keluarga untuk mencari nafkah.

Jadual 5: Taburan Responden Mengikut Jenis Pekerjaan Ibu

Jenis Pekerjaan Ibu	Frekuensi	Peratus (%)
Kakitangan Kerajaan	87	38.3
Kakitangan Swasta	17	7.5
Bekerja Sendiri	24	10.6
Pesara	3	1.3
Suri Rumah	96	42.3
<b>Jumlah (N)</b>	<b>227</b>	<b>100.0</b>

Jadual 5 pula menunjukkan majoriti ibu responden adalah suri rumah (42.3%) diikuti dengan 38.3 peratus lagi bekerja sebagai Kakitangan Kerajaan. Sebanyak 1.3 peratus ibu responden lagi telah pun bersara daripada dunia pekerjaan.

Jadual 6: Tahap Penglibatan Ibu Bapa Dalam Aktiviti Pembelajaran Anak Di Rumah

Komponen	N	Min	SP	Tahap
Penyediaan Suasana Pembelajaran Di Rumah (PSPDR)	227	3.69	0.72	Tinggi
Interaksi Sosial Anak Dengan Ibu Bapa (ISADIB)	227	4.17	0.80	Tinggi
Komunikasi Anak Dengan Ibu Bapa (KADIB)	227	3.52	0.80	Sederhana
Sokongan Ibu Bapa Terhadap Kecemerlangan Anak (SIBTKA)	227	3.64	0.76	Sederhana
Pengisian Akhlak dan Kerohanian (PADK)	227	4.26	0.56	Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>		<b>3.86</b>	<b>0.62</b>	<b>Tinggi</b>

Hasil dapatan kajian menunjukkan nilai min penglibatan ibu bapa secara keseluruhannya adalah 3.86 (SP = 0.62). Berdasarkan interpretasi skor min, skor yang berada pada 3.68 hingga 5.00 dianggap berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan tahap penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak secara keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi. Secara terperinci, dapatan telah membuktikan bahawa penglibatan ibu bapa dalam aspek pengisian akhlak dan kerohanian berada pada tahap yang paling tinggi (min=4.26, SP=0.56) jika dibandingkan dengan jenis penglibatan yang lain. Ini diikuti dengan interaksi sosial anak dengan ibu bapa yang mencapai skor min 4.17 (SP=0.80) dan penyediaan suasana pembelajaran di rumah dengan skor min 3.69 (SP=0.72). Namun demikian, penglibatan ibu bapa daripada segi memberi sokongan terhadap kecemerlangan anak menunjukkan tahap yang sederhana dengan skor min 3.64 (SP=0.76) dan komponen komunikasi anak dengan ibu bapa juga menunjukkan tahap yang sama (skor min=3.52, SP=0.80).



Tahap pencapaian akademik murid pula diukur berdasarkan keputusan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) 2014. Kesemua 11 penilaian markah direkodkan dan dikategorikan mengikut gred pemarkahan A, B, C, D, E dan F dan diberikan penentuan nilai markat seperti berikut.

Jadual 7: Interpretasi Nilai Markat Bagi Gred PT3

<b>Gred</b>	<b>Keterangan</b>	<b>Nilai Markat</b>
A	Cemerlang	6
B	Kepujian	5
C	Baik	4
D	Memuaskan	3
E	Mencapai Tahap Minimum	2
F	Belum Mencapai Tahap Minimum	1

Tahap pencapaian akademik murid adalah berdasarkan jumlah nilai markat yang diperolehi berdasarkan jadual 8.

Jadual 8: Penentuan Tahap Pencapaian Akademik Murid Berdasarkan Keputusan PT3 2014

<b>Jumlah Nilai Markat</b>	<b>Tahap</b>
11 – 27	Lemah
28 – 46	Sederhana
47 – 55	Kepujian
56 – 66	Cemerlang

Majoriti murid memperolehi keputusan pada tahap kepujian iaitu sebanyak 55.1 peratus (125 orang). Seramai 62 orang (27.3 %) pula memperolehi tahap yang sederhana dan hanya 32 orang (14.1 %) lagi mempunyai pencapaian yang cemerlang. Manakala lapan orang daripada keseluruhan murid tersebut yang mewakili 3.5 peratus masih lagi berada pada tahap yang lemah.

Bagi memudahkan huraian dapatan analisis mengenai hubungan, maka nilai hubungan dan kekuatan hubungan iaitu nilai  $r$  diinterpretasikan ke dalam tiga tahap berdasarkan garis panduan oleh Cohen (1988) iaitu tahap rendah ( $r = +/- 0.00 - 0.29$ ), tahap sederhana ( $r = +/- 0.30 - 0.69$ ) dan

tahap tinggi ( $r = +/- 0.70 - 1.00$ ). Dapatan hasil analisis Korelasi Pearson dipaparkan berdasarkan Jadual 9.

Jadual 9 : Analisi Korelasi Pearson Bagi Hubungan Antara Penglibatan Ibu Bapa dan Pencapaian Akademik

		Penglibatan Ibu bapa	Keputusan PT3
Penglibatan Ibu Bapa	Pearson Correlation	1	.058
	Sig. (2-tailed)		.386
Keputusan PT3	Pearson Correlation	.058	1
	Sig. (2-tailed)	.386	
a. Listwise N=227			

Hasil analisis Korelasi Pearson menunjukkan kekuatan hubungan antara penglibatan ibu bapa dan pencapaian akademik murid adalah bersamaan dengan 0.058. Ini menunjukkan kekuatan hubungan berada pada tahap yang rendah. Memandangkan nilai  $p = 0.386$  adalah lebih besar daripada 0.05, maka hasil analisis ujian korelasi menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan, maka dengan ini dapatlah dirumuskan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penglibatan ibu bapa dengan pencapaian akademik murid.

Kesimpulannya, hasil kajian yang dijalankan ini mendapati tahap penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak di rumah berada pada tahap yang tinggi secara keseluruhannya dengan skor min 3.86. Penglibatan ibu bapa bagi aspek PSPDR, ISADIB, dan PADK menunjukkan tahap yang tinggi manakala bagi aspek KADIB dan SIBTKA pula menunjukkan penglibatan ibu bapa pada tahap yang sederhana. Bagi pencapaian akademik pula, majoriti murid (55.1 %) telah memperoleh keputusan PT3 2014 pada peringkat kepujian.

Analisis Korelasi Pearson pula mendapati tidak wujud hubungan yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak di rumah dengan pencapaian akademik murid. Ini bermakna tahap penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak di rumah tidak mempunyai perkaitan dengan pencapaian akademik murid. Keputusan ini membawa implikasi bahawa penglibatan ibu bapa yang tinggi dalam pembelajaran anak di rumah tidak memberi jaminan kepada pencapaian akademik yang cemerlang. Dapatan ini turut menyokong hasil kajian oleh Amla et. Al (2010) dan Mohd Johdi (2009) yang menyatakan status sosioekonomi tidak menentukan pencapaian akademik murid tetapi bergantung kepada kesungguhan usaha dan

ketinggian komitmen murid bagi menghasilkan perubahan dan kejayaan. Ini terbukti dengan sejarah yang telah diciptakan oleh pelajar hebat Nik Nur Madihah, pelajar dari sekolah Menengah Agama Maahad Muhammadiyah (Perempuan) Kota Bharu yang mendapat keputusan yang sangat cemerlang dalam SPM 2008 sedangkan kehidupannya dilingkari dengan kemiskinan hidup, ibu dan bapa yang tidak mempunyai pendidikan dan pendapatan yang tinggi, rumah yang sempit malah tiada ruangan khas untuk belajar. Namun, beliau telah menjadikan faktor kemiskinan, kekurangan dan kesukaran hidup sebagai pemacu kepada kecemerlangan di samping usaha keras dan amalan kerohanian yang berterusan.

Hasil analisis korelasi kajian ini turut memberi tafsiran bahawa salah satu faktor wujudnya hubungan yang tidak signifikan adalah disebabkan renggangnya hubungan antara ibu bapa dengan pihak guru dan sekolah. Ibu bapa didapati kurang menghadiri diri ke sekolah untuk membincangkan pembelajaran anak dan juga kurang mengenali guru-guru anak mereka sedangkan Epstein (1995 dan 2001) percaya hubungan komunikasi yang baik dapat memberikan manfaat kepada semua pihak. Walaupun demikian, hasil dapatan kajian ini hanya merujuk kepada lima komponen penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak di rumah berdasarkan status sosioekonomi yang dinyatakan dalam persekitaran murid SABK dari konteks masyarakat Malaysia. Sungguhpun kajian ini tidak menunjukkan hubungan yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dengan pencapaian akademik murid, namun ibu bapa seharusnya faham peranan masing-masing dalam membantu pembelajaran anak-anak mereka. Kecemerlangan akademik masih lagi boleh dicapai sekiranya nilai-nilai positif diamalkan dalam sesebuah keluarga. Justeru itu, peranan dan penglibatan ibu bapa perlulah lebih menyeluruh dalam aktiviti pembelajaran anak di rumah demi memaksimumkan pelbagai potensi yang dimiliki oleh setiap anak.

**RUJUKAN**

- Abd. Razak Zakaria (2011). *Hubungan Penglibatan Ibu Bapa dan Konteks Keluarga dengan Pencapaian Akademik Murid*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Abd. Razak Zakaria & Norani Mohd Salleh (2011). Konteks Keluarga dan Hubungannya Dengan Penglibatan Ibu Bapa dalam Pendidikan Anak-Anak di Sekolah Menengah. (2010). *Jurnal Pendidikan Malaysia* 36(1), 35-44.
- Al-Syeikh Muhammad Jamaluddin Al-Qasini Ad-Dimasqi (2009). *Mutiara Ihya' 'Ulumuddin. Hak Milik Muslim Imam Al-Ghazali*. Shah Alam : Illusion Network.
- Ali Hasan Az-Zhecolany (2013). *Kesalahan Ibu Bapa Yang Menyebabkan Anak Tidak Soleh*. Cetakan Pertama. Batu Caves, Selangor: Ar-Risalah Product Sdn. Bhd.
- Alma Harris & Janet Goodall (2008). Do Parents Know They Matter ? Engaging All Parents in Learning. *Educational Research* Vol. 50(3), 277–289.
- Amla Salleh, Zahara Aziz, Zuria Mahmud & Abd. Aziz Mahayuddin (2010). Peranan Bapa dalam Pembangunan Sahsiah Remaja dan Implikasinya terhadap Nilai Kekeluargaan. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(2), 9-17.
- Azizi Yahaya (2008). *Keluarga dalam Pembentukan Moral*. Page 1-38.
- Borgonovi, F., Montt, G., & Development, O, For E.C. and. (2012). *Parental Involvement in Selected PISA Countries and Economies*. OECD Publishing, (73).
- Azyyati Mohd Nazim, Fariza Md. Sham & Salasiah Hanin Hamjah (2013). Ciri-ciri Remaja Berisiko: Kajian Literatur. Risk Teens Features : A Literature Review. *Islamiyyat*, 35(1), 111 - 119.
- Chela Chin (2005). *A Case Study on Parents' Involvement in Children's Education*. Projek Akhir Sarjana Muda Pendidikan. Universiti Malaysia Sarawak.
- Chong, T.S., Juliana Rosmidah, Samsudin A.Rahman, Nurhana Zainal, Subhi, N., & Nor Ba'yah Abdul Kadir (2012). Motivasi Diri Dan Dorongan Ibu Bapa Terhadap Minat Akademik Belia. *Journal of Sciences and Humanities*, 7(1), 26-33
- Epstein et. al. (2009). *School, Family and Community Partnerships : Your Handbook for Action (2<sup>nd</sup> Edition)*, USA : Corwin Press, hlm 58.
- Fullan, M. (2011). *Makna Baharu Perubahan Pendidikan : The New Meaning of Educational Change*. (Mastuti & Aziah Salleh, Trans). Kuala Lumpur : Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Hui, Grace C.H. & Kimberly L. Mason (2005). *Motivations of Parental Involvement in Children's Learning: Voices from Urban African American Families of Preschoolers*. Department of Teacher Education. College of Education and Human Services, Cleveland State University, Cleveland, Ohio.

- Guolaugh Erlendsdottir. (2010). *Effects Of Parental Involvement In Education : A Case Study In Namibia*. M.Ed. Thesis, University Of Iceland.
- Jaffary Awang, Rozmi Ismail, Kamaruddin Salleh & Hairunnizam Wahid (2008). *Sosiolisasi Agama di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Agama Di Selangor*. National Seminar Science, Technology and Social Science 2008. Penyelidikan di Bawah Program Malim Sarjana DAMAI di ATMA, UKM.
- Kay Russell & Sue Granville. (2005). The Scottish Government Riaghaltas na-Alba. *Parents' Views on Improving Parental Involvement in Children's Education*. George Street Research, Scotland. Diakses : [http:// www.gov.scot/ Publications/2005/ 03/ 20759/ 53614](http://www.gov.scot/Publications/2005/03/20759/53614) (8/2/2016).
- Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 (2012), KPM Sarana Ibu Bapa (2012), KPM.
- Lareau, A. (2000). *Home advantage: Social Class and Parental Intervention in Elementary Education*, Lanham, MD: Roman & Littlefield.
- Lay, Y.F. & Khoo, C.H. (2013). *Pengenalan Kepada Pendekatan Kuantitatif Dalam Penyelidikan Pendidikan*. Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Maznah Ali & Zakiah Zakaria (2009). *Persediaan Ibu Bapa Dalam Pendidikan Rohani Terhadap Anak-Anak : Kajian Di Taman Batu Permai, Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pendidikan Islam). Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Johdi Salleh (2009). Kajian Terhadap Kesedaran Pendidikan di Kalangan Masyarakat Orang Asli. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Luar Bandar 2009*. University Malaysia of Sabah. 3 - 5 February 2009.
- Mohd Ismail, Selamat, Azmi Shah, Abd Basit, Abdul Rahman & Abdul Hafiz (2004). *Kajian Sahsiah Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor Kluang, Kluang, Johor*. Pusat Pengajian Islam dan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- Mok, S.S. (2011). *Pedagogi Untuk Pengajaran & Pembelajaran*. (Edisi Kedua). Selangor : Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd, hlm 179.
- Nick Moon & Claire Ivins (2004). *Parental Involvement in Children's Education*. United Kingdom: Department For Education And Skills.
- Salasiah Hanin, Ermy Azziaty, Rosmawati & Zainab (2012) *Perkaitan Amalan Spiritual Dengan Pencapaian Akademik Pelajar*. 4(2), 51-60.
- Suresh Kumar N Vellymalay (2013). Relationship Between Malays' Parent Socioeconomics Status And Their Involvement in Their Childrens' Education At Home. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(1), 98–108.
- Zainudin & Norazmah (2011). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling*. 1, 115-140.
- Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 (2012), KPM Sarana Ibu Bapa (2012), KPM.